



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN INSTRUMEN PENYELIAAN GURU BIDANG PENYEDIAAN DAN PENYAJIAN MAKANAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

JUNIZA BINTI JUBRI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBANGUNAN INSTRUMEN PENYELIAAN GURU BIDANG
PENYEDIAAN DAN PENYAJIAN MAKANAN**

JUNIZA BINTI JUBRI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA**

**FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...10....(hari bulan).....JUN.....(bulan) 20 21...

i. Perakuan pelajar :

Saya, JUNIZA BINTI JUBRI, M20171000995 FAKULTI TENIKAL DAN VOKASIONAL dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk:

PEMBANGUNAN INSTRUMEN PENYELIAAN GURU BIDANG PENYEDIAAN DAN PENYAJIAN MAKANAN.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. SURIANI BINTI MOHAMED dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk:

PEMBANGUNAN INSTRUMEN PENYELIAAN GURU BIDANG PENYEDIAAN DAN PENYAJIAN MAKANAN.

dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana (PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL).

20 / 09 / 2021

Tarikh

DR. SURIANI BINTI MOHAMED
Ketua Jabatan Keluarga dan Sains Konsumer
Tandatangan Penyelia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan
No. Tel- 05-450 6243 No Faks- 054585893



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMBANGUNAN INSTRUMEN PENYELIAAN GURU BIDANG
PENYEDIAAN DAN PENYAJIAN MAKANAN

No. Matrik / Matric's No.: M20171000995

Saya / I : JUNIZA BINTI JUBRI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (~~Doktor Falsafah~~/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 20 / 09 / 2021

DR. SURANI BINTI MOHAMED
Ketua Bahagian Keluarga dan Sains Konsumer
Fakulti Teknikal dan Vokasional
Universiti Pendidikan Sultan Idris
38600 Tapah, Perak Darul Ridzuan
No. Tel: 05-450 6243 No. Faks: 05-4585893
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka saya dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Syukur juga kerana dengan izinNya dan pertolongannya, yang memberikan saya rezeki masa, tenaga, kewangan, kesihatan yang baik, memudahkan segala urusan, kekuatan fizikal, mental, kefahaman dalam mencari ilmu, dan mengurniakan saya semangat yang tiada berpenghujung dalam proses menyiapkan tesis ini.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada KPM dan Bahagian Tajaan yang menaja pengajian dan menguruskan perkhidmatan saya sepanjang cuti belajar 2 tahun. Terima kasih kepada Fakulti Teknikal dan Vokasional, UPSI kerana memberi ruang dan peluang kepada saya menyambung pengajian Ijazah Sarjana saya disini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr Suriani bt Mohamed dan Dr Irdyanti bt Mat Nashir, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan dan seterusnya membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Strategi dan kebijaksanaan mereka telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan insan yang baik. Tidak dilupakan juga kepada barisan pensyarah dan staf teknikal di Fakulti Teknikal dan Vokasional, UPSI yang membantu dengan pelbagai cara sepanjang pengajian ini.

Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan. Terima kasih kepada juga kepada rakan-rakan yang banyak membantu, memberikan dorongan, motivasi serta kegembiraan kepada saya sepanjang pengajian di UPSI. Mereka selalu berada di saat gembira dan sedih iaitu, Ummu Sakinah bt Mohamad Subri, Owi Kim Huei, Muhamad Shazielan bin Sharif dan Nor Anisah bt Ahmad, saya amat menghargai keikhlasan persahabatan kita dan saya berdoa semoga persahabatan ini akan berkekalan selamanya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada suami tersayang, Tn. Haji Mohamad bin Yon atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa sepanjang dua tahun pengajian sehingga tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Ribuan terima kasih juga kepada bonda yang amat saya kasihi dan sayangi, Pn. Hajah Saedah bt Mohd Noor, bapa yang saya hormati, Tn.Hj. Mazlan bin Ismail yang sentiasa mendoakan kejayaan saya, memberi kasih sayang, dorongan, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati selagi hayat dikandung badan. Hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalas jasa kalian.





ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk membangun instrumen penyeliaan guru bidang penyediaan dan penyajian makanan. Model Pengajaran Danielsson yang mengandungi empat konstruk pengajaran iaitu (a) perancangan dan persediaan, (b) persekitaran kelas, (c) strategi pengajaran dan penilaian, serta (d) tanggungjawab professional telah digunakan sebagai konstruk utama kajian. Reka bentuk kajian adalah pembangunan instrumen melalui tiga fasa. Dalam fasa pertama, temu bual bersama tujuh (7) orang pakar bidang telah dijalankan untuk menentukan konstruk yang penting dalam instrumen penyeliaan guru dalam bidang penyediaan dan penyajian makanan. Fasa kedua menfokus kepada pembangunan instrumen berdasarkan input temu bual dan persetujuan pakar Delphi melalui tiga pusingan. Persetujuan antara pakar adalah berdasarkan analisis Julat Antara Kuartil (JAK). Hasil daripada analisis JAK, 12 item digugurkan dan 10 item perlu diubahsuai pada pusingan kedua. Pada pusingan yang ketiga, semua item telah diterima oleh pakar dan mencapai tahap persetujuan yang tinggi. Model Pengukuran Rasch digunakan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan setiap item dalam konstruk bidang penyediaan dan penyajian makanan yang dihasilkan. Pengkaji telah menjalankan kajian rintis sebanyak dua kali yang melibatkan seramai 70 orang iaitu 35 orang pada rintis pertama dan 35 orang pada rintis kedua. Kajian sebenar dilaksanakan ke atas 100 orang pentadbir Sekolah Menengah Kebangsaan yang terpilih untuk mengesahkan instrumen yang mengandungi lima konstruk dan 70 item. Analisis Rasch telah dijalankan untuk mengesahkan instrumen dan didapati empat item digugurkan dan mengekalkan 43 item. Kebolehpercayaan responden dan item berdasarkan model Rasch adalah seperti berikut. Konstruk perancangan dan persediaan mempunyai kebolehpercayaan responden (0.97) dan kebolehpercayaan item (0.30). Konstruk pelaksanaan dan penyampaian mempunyai kebolehpercayaan responden (0.85) dan kebolehpercayaan item (0.40). Konstruk kaedah penilaian, pencapaian objektif dan refleksi mempunyai kebolehpercayaan responden (0.86) dan kebolehpercayaan item (0.45) manakala konstruk tanggungjawab profesional guru mempunyai kebolehpercayaan responden (0.68) dan kebolehpercayaan item (0.33). Kesimpulannya, instrumen penyeliaan guru bidang penyediaan dan penyajian makanan yang dibangunkan adalah sah dan boleh dipercayai. Implikasi kajian menunjukkan instrumen ini boleh digunakan oleh pentadbir untuk menilai pengajaran guru bidang penyediaan dan penyajian makanan di dalam kelas.





DEVELOPMENT OF INSTRUMENT FOR TEACHERS SUPERVISION IN THE FIELD OF FOOD PREPARATION AND SERVING

ABSTRACT

This study aims to develop an instrument of teachers supervision in the field of food preparation and serving. Danielsson's Teaching Model comprising four teaching constructs, namely (a) planning and preparation, (b) classroom environment, (c) teaching and assessment strategies, and (d) professional responsibility was used as the main construct of the study. The design of this study was instrument development conducted through three phases. In the first phase, interviews were conducted with seven (7) field experts to determine the important constructs in teachers supervision instrument in the field of food preparation and serving. The second phase focused on instrument development based on the interview input and Delphi expert consent through three rounds. Consensus among experts was based on the Inter-Quartile Range (ICC) analysis. Following the result of the ICC analysis, 12 items were dropped and 10 items had to be modified in the second round. In the third round, all items were received by experts and reached a high level of agreement. The Rasch Measurement Model was used to obtain the validity and reliability of each item in the field constructs of food preparation and serving produced. The researcher conducted a pilot study twice involving a total of 70 people, namely 35 people in the first pilot and 35 people in the second pilot. The actual study was conducted among 100 National Secondary School administrators selected to validate an instrument containing five constructs and 70 items. Rasch analysis was conducted to validate the instrument where four items were dropped and 43 items were retained. The reliability of respondents and items based on the Rasch model is as follows: the planning and preparation constructs had respondent reliability (0.97) and item reliability (0.30); the implementation and delivery constructs had respondent reliability (0.85) and item reliability (0.40); the assessment method construct, objective achievement, and reflection had respondent reliability (0.86) and item reliability (0.45); while the teacher professional responsibility construct had respondent reliability (0.68) and item reliability (0.33). In conclusion, the teachers supervision instrument in the field of food preparation and serving developed is valid and reliable. The implications of the study indicate that this instrument can be used by administrators to evaluate teachers' teaching in the field of food preparation and serving.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	18
1.4 Tujuan Kajian	20
1.5 Objektif Kajian	20
1.6 Persoalan Kajian	21
1.7 Batasan Kajian	23
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	24
1.9 Kepentingan kajian	26



**BAB 2****KAJIAN LITERATUR**

1.10	Definisi Operasional	27
1.10.1	Penyeliaan Pengajaran	27
1.10.2	Penyeliaan klinikal	28
1.10.3	Teknik Delphi Terubahsuai	29
1.10	Rumusan	31
BAB 2 KAJIAN LITERATUR		
2.1	Pendahuluan	32
2.2	Penyeliaan Pengajaran	33
2.3	Teori Penyeliaan	39
2.3.1	Teori X dan Teori Y	39
2.4	Model Penyeliaan Pengajaran	41
2.4.1	Model Tingkap Johari	43
2.4.2	Model SOIL (<i>Supervisory Options for Instructional Leaders</i>)	45
2.4.3	Penyeliaan Klinikal	49
2.4.3.1	Penyeliaan Klinikal Lima Langkah	52
2.4.3.2	Penyeliaan Klinikal Tiga Langkah	54
2.5	Model Kerangka Pengajaran Danielson 2010	55
2.6	Mata Pelajaran Bidang Penyeliaan dan Penyajian Makanan	60
2.7	Pembinaan Konstruk dan Instrumen Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan	65
2.7.1	Kerangka Penyeliaan Bidang Penyeliaan dan Penyajian Makanan Sebelum Temubual Semi Struktur	76
2.8	Kesimpulan	80





BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	81
3.2	Reka Bentuk Kajian	82
3.3	Fasa 1 : Mengenalpasti Konstruk Kajian	82
3.3.1	Pembinaan Soalan Temubual	83
3.4	Fasa 2 : Pembangunan Instrumen	84
3.4.1	Teknik Delphi Terubah Suai	84
3.4.2	Langkah-Langkah Pemilihan Panel Pakar	85
3.4.2.1	Saiz Pakar Delphi	86
3.4.2.2	Bilangan Pusingan	87
3.4.2.3	Pencapaian Konsensus	88
3.4.2.4	Pencapaian Konsensus	89
3.4.3	Instrumen Kajian	91
3.4.3.1	Bahagian Dalam Soal Selidik	92
3.4.3.2	Skala Likert	92
3.4.4	Populasi dan Sampel	93
3.5	Fasa 3 : Penilaian Instrumen	96
3.5.1	Proses Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen	96
3.5.1.1	Kesahan Konstruk	96
3.5.2	Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item	97
3.5.3	Menentukan dan Mengesan Polariti Item	98
3.5.4	Mengesan Ketidaksepadanan (<i>Misfit</i>) Item	98
3.5.5	Menentukan dan Mengesahkan Aras Kesukaran Item dan Persetujuan Responden	99



3.5.6	Kajian Rintis	99
3.6	Rumusan	101
BAB 4	ANALISIS DATA	
4.1	Pendahuluan	102
4.2	Bahagian Pertama: Analisis Demografi Responden Kajian dan Kajian Awalan	103
4.2.1	Profil Responden Kajian Sebenar	103
4.2.2	Proses Reka Bentuk Konstruk dan Instrumen	105
4.2.3	Kajian Awalan / Kajian Literatur	105
4.2.4	Analisis Keperluan	109
4.3	Bahagian Kedua : Analisis Persoalan Kajian	113
4.3.1	Persoalan 1: Objektif Membangunkan Instrumen Penyeliaan Pengajaran Guru Bidang Penyajian Makanan	113
4.3.1.1	Apakah konstruk penyeliaan pengajaran guru bidang Penyajian Makanan?	113
4.3.1.2	Apakah Item Instrumen yang Sesuai bagi Penyeliaan Pengajaran Guru Bidang Penyajian Makanan	118
4.3.2	Kajian Rintis	128
4.3.2.1	Hasil Dapatan Kajian Rintis Pertama	129
4.3.2.2	Hasil Dapatan Kajian Rintis Kedua	139
4.4	Bahagian Ketiga : Hasil Dapatan Kajian Sebenar	150
4.4.1	Konstruk Item Instrumen Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan	150
4.4.2	Persoalan 2: Objektif Menentu Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Penyeliaan Pengajaran Guru Bidang Penyajian Makanan	151



4.4.2.1 Persoalan Kajian 2 (a): Menguji Indeks 151
Kebolehpercayaan dan Indeks Pengasingan
Item/Responden

4.4.2.2 Persoalan Kajian 2(b) Menentu dan 153
Menges Polariti Item/Responden

4.4.2.3 Persoalan Kajian 2 (C): Mengesan 154
Kesesuaian Item Instrumen Penyeliaan
Guru Pengajaran Bidang Penyediaan dan
Penyajian Makanan

4.4.2.4 Persoalan Kajian 2 (d): Menentukan dan 156
Menges Item-Item Mengukur Konstruk
Tunggal atau Unidimensi (Standard Residual
Variance)

4.4.2.5 Persoalan Kajian 2 (e): Menentu dan 158
Mengesahkan Aras Kesukaran Item dan
Kebolehan Responden

4.4.3 Rumusan Kajian Sebenar: Instrumen Penyeliaan 159
Guru Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan

4.5 Rumusan 161

BAB 5 CADANGAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Pendahuluan 162

5.2 Rumusan 163

5.2.1 Rumusan Berdasarkan Profil Responden 163

5.2.2 Rumusan Berdasarkan Hasil Dapatan Kualitatif 164

5.2.3 Rumusan Berdasarkan Hasil Dapatan Kuantitatif 164

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian 167

5.3.1 Konstruk dan Item-Item Instrumen Penyediaan 167
dan Penyajian Makanan

5.3.2 Indeks Kebolehpercayaan Item/Responden dan 172
Indeks Pengasingan Item/Responden



5.3.3	Polariti Item Penyediaan dan Penyajian Makanan	174
5.3.4	KesesuaianItem (<i>Item Fit</i>) instrumen dengan Model Pengukuran Rasch	175
5.3.5	Item Mengukur Konstruk Bersifat Unidimensi	176
5.3.6	Aras Kesukaran Item dan Kebolehan Responden	177
5.4	Implikasi Kajian	178
5.4.1	Implikasi Terhadap Methodologi	179
5.4.2	Implikasi Terhadap Penyeliaan Pengajaran	179
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	180
5.6	Kesimpulan	181
	RUJUKAN	182

LAMPIRAN

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Pembangunan/Transformasi Penyeliaan: Perspektif Dunia	4
1.2	Aspek dan Kriteria Kritikal Instrumen Standard 4: PdPc	16
1.3	Perbandingan Model Penyeliaan Klinikal	17
2.1	Tahap Penyeliaan Guru	36
2.2	Penyeliaan Klinikal Lima Langkah	52
2.3	Komponen Domain 1	57
2.4	Komponen Domain 2	58
2.5	Komponen Domain 3	59
2.6	Komponen Domain 4	60
2.7	Kajian Lepas Dan Dapatan Kajian	67
2.8	Cadangan Kerangka Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan	77
3.1	Kriteria Pemilihan Panel Pakar Industri	86
3.2	Skala Likert Lima Mata	89
3.3	Analisis Deskriptif Julat Antara Kuartil (JAK)	90
3.4	Bahagian Soal Selidik	92
3.5	Pecahan Borang Soal Selidik	93
3.6	Senarai Sekolah Mengikut Zon dan Pemilihan Bilangan Responden	94
3.7	Kebolehpercayaan Item	97
4.1	Profil Responden	104



4.2	Konstruk dan Sub Konstruk	105
4.3	Soalan Temubual Delphi Terubahsuai	110
4.4	Hasil Dapatan Temu Bual Bersama Pakar Delphi	114
4.5	Konstruk Cadangan dan Dipersetujui Pakar	117
4.6	Item ang Dicapang Pakar	118
4.7	Hasil Analisis JAK Pusingan Kedua	122
4.8	Hasil Analisis JAK Pusingan Ketiga	125
4.9	Interprestasi Skor Alpha Cronbach	129
4.10	Perincian Item Soal Selidik	130
4.11	Kebolehpercayaan dan Indeks Pengasingan Item Bagi Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan: Kajian Rintis Pertama	131
4.12	Polariti Item Bagi Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan Kajian Rintis Pertama	132
4.13	Ketidaksepadanan (Misfit) Item Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan: Kajian Rintis Pertama	134
4.14	Unidimensi: Standardized Residual Variance Bagi Lima Konstruk Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan	135
4.15	Item yang Digugurkan Mempunyai Nilai Residual Correlation yang Melebihi 0.7 Logits	136
4.16	Kesukaran Item dan Kebolehan Responden Bagi Lima Konstruk Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan	137
4.17	Rumusan Kajian Rintis Pertama Instrumen Penyediaan Makanan	138
4.18	Interprestasi Skor Alpha Cronbach	140
4.19	Perincian Item Soal Selidik	140
4.20	Kebolehpercayaan dan Indeks Pengasingan Item Bagi Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan: Kajian Rintis Pertama	142
4.21	Polariti Item Bagi Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan: Kajian Rintis Pertama	143

4.22	Ringkasan Item Bagi Ketidaksepadanan (Misfit): Kajian Rintis Pertama	144
4.23	Unidimensi: Standardized Residual Variance Bagi Lima Konstruk Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan	145
4.24	Item yang Digugurkan Mempunyai Nilai Residual Correlation yang Melebihi 0.7 Logits	146
4.25	Kesukaran Item dan Kebolehan Responden Bagi Lima Konstruk Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan	148
4.26	Rumusan Kajian Rintis Kedua Instrumen Penyediaan Makanan	149
4.27	Interprestasi Skor Alpha Cronbach	150
4.28	Perincian Item Soal Selidik	151
4.29	Kebolehpercayaan dan Indeks Pengasingan Item Bagi Instrumen Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan: Kajian Sebenar	152
4.30	Kebolehpercayaan dan Indeks Pengasingan Responden Bagi Instrumen Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan: Kajian Sebenar	152
4.31	Polariti Item Bagi Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan: Kajian Sebenar	153
4.32	Ringkasan Item Bagi Ketidaksepadanan (Misfit): Kajian Sebenar	155
4.33	Unidimensi: Standardized Residual Variance Bagi Lima Konstruk Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan: Kajian Sebenar	156
4.34	Item yang Digugurkan Mempunyai Nilai Residual Correlation yang Melebihi 0.7 Logits	157
4.35	Kesukaran Item dan Kebolehan Responden Bagi Lima Konstruk Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan	158
4.36	Rumusan Kajian Rintis Sebenar: Instrumen Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan	160

**SENARAI RAJAH**

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Instrumen Penyeliaan PdP SKPM (2003-2017)	14
1.2 Kerangka konsep kajian	26
2.1 Model Tingkap Johari	45
2.2 Model SOIL	47
2.3 Gaya Penyeliaan dan Aras Kecekapan Guru	49
2.4 Penyeliaan Klinikal Tiga Langkah	54
2.5 Model Pengajaran Danielson 2011	56
2.6 Rangka konsep Mata Pelajaran Katering dan Penyajian	65
3.1 Aliran Proses Kajian (Fasa 1 dan 2)	91
3.2 Aliran Proses Kajian (Fasa 3)	100
4.1 Formula Julat Antara Kuartil	121
4.2 Wright Map Taburan Item dan Kebolehan Responden bagi Item Penyeliaan Bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan	159



**SENARAI SINGKATAN**

PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
PTV	Pendidikan Teknikal dan Vokasional
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SMV	Sekolah Menengah Vokasioanl
KV	Kolej Vokasional
DVM	Diploma Vokasional Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
DSK	Diploma Seni Kulinari
DBP	Diploma Bakeri dan Pastrri
MPV	Mata Pelajaran Vokasional
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
KNS	Ketua Nazir Sekolah
NS	Nazir Sekolah
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
SPSTKP	Sistem Pemastian Peningkatan Standard Tinggi Kualiti Pendidikan
STKP	Standard Tinggi Kualiti Pendidikan
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
SKPMg2	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia g2



PdPc

Pembelajaran dan Pemudahcaraan

PKS

Penilaian Kendiri Sekolah



SENARAI LAMPIRAN

- 1 Soalan Protokol Temubual
- 2 Pakar Instrumen Soal Selidik
- 3 Soal Selidik Pakar
- 4 Pengesahan Kesahan Pakar
- 5 Kajian Rintis Pertama
- 6 Kajian Rintis Kedua
- 7 Dapatan Kajian Akhir
- 8 Peta Wright
- 9 Instrumen Penyeliaan Guru bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Penyeliaan pembelajaran dan pengajaran (PdP) amat penting dalam memastikan keberkesanan pengajaran guru. Menurut Glickman, Gordon, dan Ross-Gordon (2014) penyeliaan adalah “*glue of a successful school*” dimana ia berfungsi untuk melengkapkan keberkesanan sesebuah sekolah. Dalam erti kata lain, apabila guru dan murid mempunyai matlamat yang sama dalam kelas, maka pelaksanaan a PdP guru tersebut menjadi lengkap. Begitu juga dengan penyeliaan guru oleh pentadbir sekolah, sekiranya dilakukan secara konsisten, maka sekolah telah mencapai tujuannya sebagai institusi pendidikan yang memainkan peranan memberikan ilmu kepada pelajarnya. Selaras dengan itu, untuk menjalankan penyeliaan yang efektif dan berkesan seorang penyelia memerlukan





pengetahuan, kemahiran interpersonal dan kemahiran teknikal (Mohd Anizam & Dayana Farzeeha, 2014). Wiles, J., & Bondi, J. (2000), menyatakan antara ciri-ciri utama pelaksanaan penyeliaan pengajaran guru yang berkesan di sekolah ialah penyelia berjaya impak positif seperti menambah ilmu pengetahuan guru dalam bidang PdP, membina kemahiran PdP, membina sikap positif dan membangunkan karakter dan motivasi guru.

Di peringkat sekolah, penyeliaan PdP guru di dalam bilik darjah merupakan tanggungjawab pihak pentadbir selaku pemimpin instruksional untuk memastikan PdP guru dapat dijalankan mengikut tuntutan perubahan semasa. Ianya penting untuk memastikan murid memperoleh faedah hasil PdP guru semaksimum mungkin dan memastikan Falsafah Pendidikan Negara tercapai dalam pelaksanaan pengajaran seharian guru. Mohd Anizam dan Dayana Farzeeha (2014) menyatakan penekanan dalam penyeliaan PdP sewajarnya lebih terarah kepada kualiti pengajaran dan penyampaian kemahiran guru kepada murid. Hal ini kerana matlamat utama penyeliaan PdP adalah peningkatan pencapaian murid hasil daripada PdP yang berkualiti. Malah, kefahaman terhadap proses penyeliaan PdP juga amat penting bagi menjamin keberkesanannya.

Justeru itu, penekanan terhadap proses dan instrumen penyeliaan haruslah dikenalpasti agar penyeliaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan serta memberi input yang mampu membantu guru membuat penambahbaikan terhadap proses PdP bagi menjamin kemenjadian murid khususnya dalam bidang teknikal dan vokasional.



1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan dan perubahan dalam dunia pendidikan sangat menuntut kepada penumpuan terhadap penyeliaan pengajaran guru untuk menghasilkan murid yang berketrampilan. Abdul Rahman (2010) berpendapat penyeliaan dalam konteks pendidikan adalah luas dan ianya adalah berfungsi dan bertujuan untuk menambah baik PdP. Baffour-Awuah (2011) dalam kajiannya menerangkan senario penyeliaan PdP telah banyak mengalami perubahan. Pada masa kini, penyeliaan PdP lebih kepada memberi bimbingan, membina, demokratik dan berbentuk sumbangsaran berbanding penyeliaan PdP dahulu yang cenderung ke arah memerhati, menyiasat, memeriksa dan mengarah.

Transformasi penyeliaan berkembang seiring dengan kemajuan pendidikan telah ditunjukkan oleh Ekyaw (2014). Jadual 1.1 memaparkan lebih daripada dua dekad tujuan penyeliaan Pdp hanya tertumpu kepada tugas tradisional seperti menetapkan matlamat, menyediakan sumber untuk tujuan instruksional dan menilai guru. Secara keseluruhannya, tujuan penyeliaan telah berubah daripada mencari kelemahan kepada memberikan bantuan dan juga ruang perbincangan antara penyelia dan guru.

Jadual 1.1

Transformasi Penyeliaan: Dari Perspektif Global

Masa	Jenis Penyeliaan	Tujuan	Individu yang bertanggungjawab
1620-1850	Pemeriksaan	Memantau peraturan, mencari kelemahan	Ibu bapa, pendeta, pemilih, Jawatankuasa Masyarakat
1850-1910	Pemeriksaan, penambahbaikan pengajaran	Memantau peraturan, membantu guru membuat penambahbaikan	Penguasa, Pengetua
1910-1930	Saintifik, birokratik	Meningkatkan arahan dan kecekapan	Penyelia sekolah, pegawai jabatan
1930-1950	Hubungan manusia, demokratik	Meningkatkan arahan	Pengetua, penyelia pejabat
1950-1975	Hubungan birokratik, saintifik, klinikal, manusia, sumber manusia, demokratik	Meningkatkan arahan	Pengetua, penyelia pejabat pusat, penyelia berasaskan sekolah
1975-1985	Saintifik, klinikal, hubungan manusia, kolaboratif, kolektif, mentor bimbingan rakan, artistik, tafsiran	Meningkatkan arahan, meningkatkan kepuasan guru, meningkatkan pemahaman pelajar terhadap peristiwa kelas	Pengetua, penyelia pejabat pusat, penyelia berasaskan sekolah, penyertaan, mentor
1985-kini	Saintifik, hubungan manusia klinikal, kolaboratif, bimbingan rakan sebaya, artistik, tafsiran, responsif budaya	Meningkatkan arahan, meningkatkan kepuasan guru, mewujudkan komuniti pembelajaran, memperluaskan acara kelas pelajar, menganalisis corak budaya dan linguistik di dalam bilik darjah	Penyelia berasaskan sekolah, mentor bimbingan rakan sebaya, pengetua, penyelia pejabat pusat

Justeru itu, seorang penyelia harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran alam membantu pengajaran guru supaya kelemahan guru dapat diatasi dan bimbingan serta motivasi dapat disampaikan dengan berkesan. Dalam dunia pendidikan yang semakin kompleks dan mencabar, guru harus diberikan persediaan yang secukupnya untuk menjalankan peranan mereka di dalam kelas. Keberkesanan PdP guru merupakan satu elemen yang amat penting untuk memastikan standard pembelajaran yang ingin dicapai oleh guru dapat disampaikan dengan baik khususnya dalam pengajaran yang memerlukan penekanan kepada kemahiran-kemahiran teknikal atau *hands on skill* seperti dalam



Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV). Kemahiran tersebut perlu dimiliki oleh guru PTV supaya mereka berupaya menyampaikan pengetahuan dan kemahiran yang berkualiti kepada murid.

Bidang pendidikan berhadapan dengan masa depan mencabar yang memerlukan perancangan rapi, sistematik dan holistik (Nurahimah & Rafisah, 2010). Menyedari keadaan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025), menyatakan pendidikan vokasional perlu menyediakan murid kepada kerjaya yang memerlukan kepakaran teknikal yang khusus dan lebih berorientasikan kerjaya. Ia boleh dijalankan dengan memperkuat pendidikan rendah dan menengah; menggalakkan latihan sektor swasta; meningkatkan keberkesanan dan kecekapan latihan awam, dan menggunakan latihan sebagai input dalam program yang dirancang.

Dalam Pelan Tranformasi Vokasional yang bermula pada tahun 2013, KPM menambah baik program pendidikan vokasional menengah atas sedia ada dengan menukarkan Sekolah Menengah Vokasional (SMV) kepada Kolej Vokasional (KV). Kolej ini menawarkan kurikulum yang disusun semula dan akreditasi diploma melalui Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Diploma ini diiktiraf untuk mendapatkan kredit di bawah standard kebangsaan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Kurikulum diploma yang baharu ini mengandungi pemberatan 70% latihan kemahiran praktikal dan 30% pendidikan akademik umum. Akreditasi diploma akan diperoleh melalui Diploma





Vokasional Malaysia (DVM) dan diiktiraf untuk mendapatkan kredit di bawah standard kebangsaan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Antara program yang ditawarkan dalam DVM adalah Diploma Seni Kulinari (DSK) yang memberikan latihan kemahiran masakan, praktikal amali dan teori dalam semua bidang pengeluaran makanan. Murid juga mempelajari kemahiran gastronomi dan pengetahuan tentang penyediaan makanan, keselamatan dan persembahan yang diperlukan untuk menceburkan diri dalam industri perkhidmatan makanan. Murid juga memperoleh kemahiran yang penting dalam masakan kraf, organisasi dan pengurusan, termasuk pesanan stok, penjadualan, kos barangan dan berurusan dengan pembekal. Latihan di tempat kerja (*On Job Training*) pada semester 8, selama 3 bulan bagi meningkatkan kemahiran yang telah diperolehi semasa di kolej. Murid didedahkan dengan teknik untuk meningkatkan kemahiran memasak secara profesional bagi menghasilkan tenaga kerja yang berkualiti, berdisiplin serta mampu bersaing di pasaran kerja.

Manakala murid yang mengikuti kursus Diploma Bakeri dan Pastri (DBP) diberikan latihan kepada prinsip bakeri dan pastri operasi, praktikal amali dan latihan teori dalam semua bidang bakeri dan pastri pengeluaran. Kursus ini melengkapkan murid dengan kemahiran yang penting dalam membuat pencuci mulut, kek, tart, pai, roti tukang, coklat dan kuih. Murid menjalani latihan di tempat kerja (*On Job Training*) di semester 5 bagi meningkatkan kemahiran yang telah diperolehi semasa di kolej.





Pada masa yang sama untuk mewujudkan peluang kepada murid di sekolah menengah harian, Mata Pelajaran Vokasional (MPV) disediakan untuk mereka. MPV bermatlamat untuk melahirkan murid yang berkemahiran dalam bidang usaha yang relevan dan bermakna untuk membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan atau meneruskan latihan di peringkat yang lebih tinggi. MPV diperkenalkan di sekolah menengah harian sejak tahun 2002 untuk mengatasi masalah keciciran di kalangan murid dan menawarkan sehingga 22 mata pelajaran dalam lima bidang yang berbeza iaitu Binaan, Pembuatan, Teknotani, Ekonomi Rumah Tangga dan Aplikasi Komputer.



MPV Katering dan Penyajian (KP) merupakan lanjutan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB). MPV KP merupakan salah satu mata pelajaran dibawah bidang ERT dan merupakan mata pelajaran elektif vokasional di sekolah menengah harian. Mata pelajaran ini ditawarkan kepada murid peringkat menengah rendah iaitu tingkatan empat dan lima. Pembelajaran murid adalah berasaskan aktiviti amali dan berteraskan penggunaan teknologi. MPV KP merangkumi dua bidang unsur utama iaitu Katering dan Penyajian.

Dalam bidang katering, murid mempraktikkan kemahiran menyedia, memasak, menghias, menghidang dan mengepek makanan. Bidang penyajian pula melibatkan murid menggunakan peralatan menghidang yang sesuai, menyediakan perunggu meja, menggubah bunga, melipat napkin dan mempraktikkan hubungan pramusaji dengan pelanggan. Murid juga diajar membuat pengiraan kos semasa menjalankan amali. Murid perlu menyelesaikan semua hasil kerja yang dalam modul yang disediakan dan kompeten



dalam modul-modul yang ditaksir oleh guru yang dilantik sebagai pentaksir oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM).

Dari segi masa pembelajaran, MPV KP diperuntukkan 12 waktu dalam seminggu (amali dan teori) yang berorientasikan 60% amali dan 40% teori. Bilangan murid yang dicadangkan di dalam kelas MPV KP adalah antara 20 hingga 25 orang untuk memudahkan untuk memudahkan pengajaran guru dan penggunaan peralatan di dalam kelas amali yang dijalankan.

05- mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB). MPV KP merupakan salah satu mata pelajaran dibawah bidang ERT dan merupakan mata pelajaran elektif vokasional di sekolah menengah harian. Mata pelajaran ini ditawarkan kepada murid peringkat menengah rendah iaitu tingkatan empat dan lima. Pembelajaran murid adalah berasaskan aktiviti amali dan berteraskan penggunaan teknologi. MPV KP merangkumi dua bidang unsur utama iaitu Katering dan Penyajian.

Dalam bidang Katering, murid mempraktikkan kemahiran menyedia, memasak, menghias, menghidang dan mengepek makanan. Bidang penyajian pula melibatkan murid menggunakan peralatan menghidang yang sesuai, menyediakan perunggu meja, menggubah bunga, melipat napkin dan mempraktikkan hubungan pramusaji dengan pelanggan. Murid juga diajar membuat pengiraan kos semasa menjalankan amali. Murid

perlu menyelesaikan semua hasil kerja yang dalam modul yang disediakan dan kompeten dalam modul-modul yang ditaksir oleh guru yang dilantik sebagai pentaksir oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM).

Dari segi masa pembelajaran, MPV KP diperuntukkan 12 waktu dalam seminggu (amali dan teori). Oleh kerana pendekatan MPV KP yang berorientasikan 60% amali dan 40% teori, MPV KP memerlukan penglibatan murid secara total dalam amali. Bilangan murid yang dicadangkan di dalam kelas MPV KP adalah antara 20 hingga 25 orang untuk memudahkan untuk memudahkan pengajaran guru dan penggunaan peralatan di dalam kelas amali yang dijalankan. MPV KP menggunakan modul yang disediakan oleh KPM dan digunakan untuk membantu murid menguasai kemahiran yang diajar di dalam kelas amali dan menjadi sumber rujukan terhadap panduan kerja, maklumat rujukan dan penilaian yang dijalankan. Sebanyak 11 modul MPV KP yang diajar oleh guru dan murid perlu menguasai sekurang kurangnya tiga modul untuk melayakkan mereka menduduki peperiksaan SPM bagi mata pelajaran MPV KP. Oleh yang demikian murid akan mendapat dua sijil setelah menamatkan persekolahan mereka iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Modular bagi mata pelajaran MPV KP.

Dalam kajian ini, guru mata pelajaran bidang penyediaan dan penyajian makanan daripada kursus DSK, DBP dan MPV KP dipilih untuk pelaksanaan kajian. Guru yang mengajar bidang penyediaan dan penyajian makanan ini adalah daripada kalangan guru yang mempunyai kelayakan bersesuaian dengan mata pelajaran yang diajar, berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar, atau mempunyai latar belakang opsyen yang berbeza

tetapi diberikan kursus jangka pendek (selama 3 minggu atau 14 minggu) sebagai persediaan untuk mengajar. Oleh kerana ciri bidang penyajian makanan yang menekankan pembelajaran masteri dan pencapaian kompetensi, dan memerlukan penglibatan murid secara total dalam amali, ia sangat menuntut guru yang mengajar adalah kompeten dalam penyampaian isi pelajaran, mempunyai kecekapan pengurusan, kemahiran yang tinggi, dan bersikap profesional.

Akta Pendidikan 1996 subseksyen 117(a) memperuntukkan kepada Ketua Nazir Sekolah tanggungjawab bagi memastikan taraf (standard) pengajaran yang memuaskan diwujudkan dan dikekalkan di institusi pendidikan. Walaupun subseksyen 117(a) berfokus kepada bidang pengajaran, namun bidang pengurusan institusi pendidikan juga termaktub dalam skop kewajipan Ketua Nazir Sekolah (KNS) dan Nazir Sekolah (NS) seperti yang diperuntukkan dalam subseksyen 117(b), (c), (d) dan subseksyen 121. Tugas utama Nazir Sekolah berlandaskan kepada tiga peruntukan perundangan dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) iaitu memeriksa (Seksyen 117), menasihati (Seksyen 118) dan melaporkan (Seksyen 120) bagi memastikan Jemaah Nazir Sekolah (JNS) dapat melaksanakan fungsi dan peranannya sebagai badan pemastian standard KPM dengan lebih berkesan.

Menyedari pentingnya tanggungjawab ini dilaksanakan dengan lebih berkesan, pada tahun 2001 JNS, mulai 2008 dinamakan sebagai Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK)] dan telah ditukar kepada JNS pada 2019 telah memperkenalkan mekanisme yang lebih sistematik untuk menetapkan satu standard bagi meningkatkan kualiti pendidikan di institusi pendidikan secara berterusan kepada tahap tinggi. Mekanisme tersebut dinamakan

Sistem Pemastian Peningkatan Standard Tinggi Kualiti Pendidikan (SPPSTKP) atau disebut juga sebagai Standard Tinggi Kualiti Pendidikan (STKP). Namun demikian, berdasarkan maklum balas sekolah, didapati STKP terlalu teknikal dan mengambil banyak masa untuk dilaksanakan. Sehubungan itu, JNS mengambil inisiatif untuk mengkaji dan mengolah semula STKP.

Secara kronologinya KPM (2019), dinyatakan dalam dokumen SKPM, hasil kajian dan pengolahan semula STKP, JNS telah menghasilkan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang lebih ringkas dan mudah pada tahun 2003. Instrumen yang digunakan dalam SKPM 2003 dikelompokkan kepada empat dimensi iaitu Hala Tuju Kepimpinan, Pengurusan Organisasi, Pengurusan Program Pendidikan dan Kemenjadian Murid. Untuk melaksanakan SKPM 2003, JNS telah menghasilkan tiga dokumen iaitu SKPM 1- [Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (Sekolah)-Pernyataan Standard], SKPM2- [Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (Sekolah)-Instrumen Pemastian Standard-IPS] dan SKPM3- [Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (Sekolah)-Panduan Rancangan Pemajuan Sekolah-RPS].

Selaras dengan perubahan Hala Tuju JNS 2010-2015 yang memberi penekanan kepada aspek kemenjadian murid dan Transformasi Pendidikan dan Bidang Keberhasilan Utama Negara *National Key Result Areas* (NKRA) berkaitan pendidikan, penggunaan SKPM bertambah meluas dan semakin penting. Hal ini menyebabkan SKPM 2003 disemak semula dan dimantapkan untuk memenuhi keperluan tersebut dan terhasil SKPM 2010. SKPM 2010 menggunakan lima Standard iaitu Kepimpinan dan Hala Tuju, Pengurusan

Organisasi, Pengurusan Kurikulum dan Sukan, dan Hal Ehwal Murid, Pembelajaran dan Pengajaran dan Kemenjadian Murid. Kelima-lima standard tersebut digunakan untuk mengukur tahap kecemerlangan sekolah.

SKPM telah digunakan oleh JNS dan semua bahagian lain di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memeriksa dan menilai sekolah sejak ia mula diperkenalkan. Terkini, sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) dan perkembangan bidang pendidikan semasa, SKPM Gelombang 2 (SKPMg2) telah diperkenalkan oleh JNS untuk menggantikan SKPM 2010. SKPMg2 lebih menjurus kepada pengesanan proses peningkatan kualiti sekolah sepanjang tahun. Berbanding dengan pelaksanaan dokumen SKPM 2003 dan 2010 yang diberi tempoh selama setahun untuk mendapatkan hasil Penarafan Kendiri Sekolah (PKS), SKPMg2 melalui tiga proses pengisian PKS yang boleh mengesan proses kualiti kerja buat guru yang meliputi semua bidang pengurusan sekolah.


Mulai tahun 2017, semua bahagian termasuk pihak sekolah mula menggunakan SKPMg2 untuk mengenalpasti kekuatan, kelemahan dan isu yang dihadapi melalui PKS dan seterusnya dijadikan asas untuk sekolah melakukan penambahbaikan secara berterusan. Instrumen Standard 4: Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang digunakan untuk penyeliaan pengajaran guru juga telah diubahsuai selaras dengan pendidikan abad 21 yang menekankan peranan guru sebagai fasilitator dalam pengajaran.



Menerusi Rajah 1.1 dapat dilihat proses transformasi SKPM instrumen Standard 4 yang digunakan untuk penyeliaan pengajaran guru di sekolah. Berdasarkan tiga instrumen penyeliaan PdP SKPM 2003, SKPM 2010 dan SKPMg2 dapat dilihat Elemen 9 yang terdapat dalam 2003 adalah berorientasikan tindakan iaitu ia berbentuk senarai semak sebagai panduan penyeliaan PdP. Standard 4 yang digunakan dalam SKPM 2010 telah dikelompokkan menjadi standard yang boleh diukur dan ia lebih menjurus kepada perkara yang perlu guru laksanakan untuk mendapat pencapaian yang ditetapkan dlm sesuatu standard.

Bersesuaian dengan perubahan pendidikan, instrumen Standard 4: PdPc SKPMg2 telah menggunakan pendekatan berorientasikan tindakan yang berkualiti. Instrumen SKPMg2 juga memberikan penekanan kepada fungsi peranan iaitu peranan guru sebagai perancang, peranan guru sebagai pengawal, guru sebagai pembimbing, guru sebagai pendorong dan guru sebagai penilai. Ia lebih memperlihatkan peranan guru sebagai fasilitator dan lebih terarah kepada kualiti dan tindakan yang telah diambil oleh guru dalam pengajaran.





Rajah 1.1. Instrumen penyeliaan PdP SKPM (2003-2017)

Di peringkat sekolah, pelaksanaan penyeliaan pengajaran guru di dalam bilik darjah adalah wajib dilaksanakan keatas semua warga guru. Punca kuasa pelaksanaannya ialah merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1987: Penyeliaan Pengajaran Pembelajaran



Di Dalam Kelas oleh Pengetua/Guru Besar Sekolah yang mengandungi arahan supaya semua pengajaran guru diselia di dalam bilik darjah dengan dipimpin oleh Guru Besar dan Pengetua di sekolah masing-masing. Panduan pelaksanaan proses penyeliaan yang jelas telah diberikan sebagai panduan kepada Guru Besar dan Pengetua di dalam surat pekeliling tersebut.

Bagi memastikan proses penyeliaan pengajaran dijalankan dengan lancar di sekolah, Guru Besar dan Pengetua akan melantik penyelia dalam kalangan pentadbir sekolah iaitu Penolong Kanan (PK) Pentadbiran, PK Hal Ehwal Murid, PK Kokurikulum, Penyelia Petang, Ketua-Ketua Bidang Mata Pelajaran dan juga Ketua Panitia Mata Pelajaran mengikut kesesuaian dan perancangan tahunan sekolah. Namun demikian, tanggung jawab sepenuhnya adalah terletak kepada Guru Besar atau Pengetua



Pentadbir sekolah yang dilantik menjadi penyelia termasuk Guru Besar dan Pengetua adalah terdiri daripada pelbagai opsyen mata pelajaran. Dalam konteks ini, tidak semua guru akan diselia oleh penyelia yang mempunyai opsyen yang sama. Setiap guru akan diselia sekurang-kurangnya dua kali setahun oleh penyelia yang telah dilantik. Proses penyeliaan pengajaran yang dijalankan menggunakan instrumen yang sama, iaitu Standard 4: PdPc bagi semua mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah.

Instrumen Standard 4: PdPc mempunyai enam aspek dan kriteria kritikal yang perlu dipenuhi untuk memastikan pengajaran guru berkesan. Ahmad Kamal (2016) menyatakan instrumen SKPM Standard 4 adalah contoh terbaik kaedah penyeliaan saintifik yang



bersifat saranan-saranan membina dan tidak mengandungi pernyataan yang bersifat mengkritik dan negatif. Jadual 1.2 menunjukkan aspek dan kriteria yang terdapat dalam Standard 4: PdPc.

Jadual 1.2

Aspek dan Kriteria Kritikal Instrumen Standard 4: PdPc

Aspek	Kriteria Kritikal
Guru sebagai perancang	Guru bertindak sebagai perancang untuk memastikan kesediaan dan persediaan yang rapi dalam melaksanakan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc).
Guru sebagai pengawal	Guru bertindak sebagai pengawal pelaksanaan PdPc untuk memastikan kelancaran proses pembelajaran mengikut perancangan.
Guru sebagai pembimbing	Guru bertindak sebagai pembimbing untuk membolehkan murid menguasai pengetahuan, kemahiran dan mengamalkan nilai berdasarkan objektif pelajaran.
Guru sebagai pendorong	Guru bertindak sebagai pendorong untuk meningkatkan motivasi dan kemahiran insaniah (<i>soft skills</i>) murid.
Guru sebagai penilai	Guru berperanan sebagai penilai untuk mengesan tahap penguasaan murid.
Murid sebagai pembelajar aktif	Murid bertindak sebagai pembelajar aktif untuk menguasai pengetahuan dan kemahiran serta mengamalkan nilai positif.

Dalam kajian ini, penyelidik mengaplikasikan penggunaan Standard 4: PdPc dengan penyeliaan klinikal. Abdul Rahman (2010; 2011) menerangkan penyeliaan klinikal menekankan sokongan kepada guru untuk menambah baik aspek-aspek tertentu pengajaran melalui pendekatan yang lebih sistematik dimana kedua-dua profesional yang terlibat dianggap pakar instruksional.

Merujuk kepada Jadual 1.3, terdapat lima model yang sering dikaitkan dengan penyeliaan klinikal. Namun demikian tiga fasa yang asas dalam penyeliaan klinikal secara umumnya adalah wujud komunikasi antara penyelia dan guru yang diselia, wujud

pemerhatian di dalam kelas dan berlaku tindakan susulan daripada pemerhatian di dalam kelas. Penyelidik menggunakan model penyeliaan klinikal oleh Acheson dan Gall (1980) yang mempunyai tiga fasa iaitu konferensi/perbincangan perancangan, pemerhatian dalam kelas dan konferensi perbincangan/maklum balas.

Jadual 1.3

Perbandingan Model Penyeliaan Klinikal

Goldhammer (1969), Anderson dan Krajewski (1980)	Mosher dan Purpel (1972)	Cogan (1973),Hoy dan Forsyth (1986)	Acheson & Gall (1980)	Bellon dan Bellon (1982)
5 peringkat	3 peringkat	8 fasa	3 fasa	3 fasa
• Konferensi/ • perbincangan (prapemerhatian) • Pemerhatian • Analisis dan strategi • Konferensi/ • perbincangan/ • pasca pemerhatian • Analisis pasca konferensi	• Perancangan • Pemerhatian • Penilaian atau analisis	• Mewujudkan perhubungan guru-penyelia • Merancang dengan guru • Merancang strategi pemerhatian • Memerhati pengajaran • Menganalisis proses pengajaran-pembelajaran • Merancang strategi untuk perbincangan selepas pemerhatian • Konferensi/ Perbincangan • Perancangan baru	• Konferensi/ perbincangan perancangan • Pemerhatian di dalam kelas • Konferensi/ perbincangan maklum balas	• Pra pemerhatian • Pemerhatian di dalam kelas • Konferensi/ perbincangan pasca pemerhatian

Sumber: Olivia & Pawlas, 2004:398

1.3 Pernyataan Masalah

Umumnya, dokumen Standard 4: PdPc digunakan oleh penyelia sekolah, JNS dan semua bahagian di KPM untuk penyeliaan PdP guru di Malaysia bagi semua mata pelajaran. Namun demikian, laporan JNS dalam PPPM (2013-2025) menyatakan terdapat perbezaan persepsi tentang takrifan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti antara pihak sekolah dengan JNS. Untuk lebih memahami senario penyeliaan yang sedang berjalan sekarang, Abdul Rahman (2011) telah memberikan gambaran penyeliaan PdP dimana guru mata pelajaran catering dan penyajian yang memerlukan maklumbalas ~~sekolah~~ pengetua yang jauh lebih berpengalaman, namun kepakaran pengetua tetapi kepakarannya adalah dalam mata pelajaran berbeza iaitu Kesusasteraan Melayu. Ong'ondo dan Borg (2011) menjelaskan permasalahan ini mendapati maklum balas daripada penyelia bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan hanya berfokuskan pedagogi umum dan tidak berkait dengan silibus mata pelajaran yang dinilai. Dalam hal ini, jelas penyelia PdP di sekolah hanya mampu membantu guru mengenai pedagogi dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran namun bukannya kandungan mata pelajaran tersebut.

Masalah yang sama telah dikesan oleh Hamidah, Jamal, Sharifah, dan Syed (2016) yang mendapati guru memberikan persepsi yang rendah apabila ditanya mengenai maklum balas penyeliaan pengajaran. Pentingnya maklum balas telah ditegaskan oleh Weber, Chandler, dan Finley (2009) iaitu untuk memastikan peningkatan yang berterusan terhadap hasil pekerjaan. Sesuai dengan matlamat penyeliaan pengajaran untuk membantu guru dalam proses PdP, Hamdan dan Nurlia (2005) bersetuju maklum balas penyeliaan

pengajaran adalah langkah yang paling penting dan penyelia perlu mempunyai pengetahuan yang cukup, kemaskini tentang perubahan sukatan pelajaran yang diselia, mempunyai kemahiran dan kecekapan mengesan masalah-masalah pedagogi dan dapat mengemukakan cadangan-cadangan yang munasabah untuk memperbaiki kekurangan PdP guru yang diselia.

Penggunaan instrumen yang sesuai adalah penting untuk membuat penyeliaan pengajaran. Masitah Hayati dan Suhaida Abdul Kadir (2014) bersetuju bidang perkhidmatan makanan adalah antara bidang kemahiran yang paling utama perlu diberikan kepada murid. Namun demikian, dapatan kajian lepas mendapati penggunaan instrumen penyeliaan PdP untuk menilai kemahiran pedagogi guru bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan tidak dapat membezakan antara tingkah laku pengajaran umum dan tingkah laku pengajaran bidang pemakanan (Feng, Su, & Yang, 2011). Hal yang sama juga dibangkitkan oleh Ambarwangi dan Rachman (2015) dan Paulsen dan Martin (2013) yang mencadangkan pembinaan instrumen khusus untuk bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan perlu diwujudkan supaya penyeliaan PdP yang dijalankan dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

Oleh itu, instrumen penyeliaan PdP yang digunakan haruslah bersesuaian dengan ciri PdP bidang penyediaan dan penyajian makanan. Kesesuaian tersebut akan memberikan impak atas penyeliaan PdP yang dijalankan oleh penyelia. Pembinaan instrumen khusus ini boleh digunakan bagi peningkatan profesionalisme guru dengan dijadikan panduan untuk pentadbir sekolah memahami proses penyeliaan pengajaran bagi bidang Penyediaan dan

Penyajian Makanan. Tambahan lagi, pembinaan instrumen penyeliaan PdP yang bersesuaian juga adalah supaya penyeliaan pengajaran bidang penyediaan dan penyajian makanan perlu dibangunkan supaya penyeliaan yang diijalankan oleh penyelia yang mempunyai pelbagai latar belakang mata pelajaran akan dapat dilakukan dengan lebih berkesan dan tepat. Ia penting untuk menghasilkan guru yang berkualiti dan seterusnya menyumbang kepada kemahiran berkualiti murid yang dihasilkan.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian adalah untuk membina instrumen penyeliaan guru bidang penyediaan dan penyajian makanan supaya penyeliaan yang diijalankan dapat dijalankan dengan berkesan. Instrumen ini juga dapat dijadikan panduan kepada penyelia yang tidak mempunyai latar belakang dalam bidang penyediaan dan penyajian makanan seterusnya instrumen ini boleh digunakan sebagai panduan kepada guru yang mengajar bidang penyediaan dan penyajian makanan untuk memperbaiki kualiti PdP mereka.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk membina instrumen penyeliaan yang bersesuaian untuk digunakan oleh penyelia semasa menyelia guru bidang penyediaan dan penyajian makanan.

Penyelidik akan:

1. Membangunkan instrumen penyeliaan pengajaran guru bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan.
2. Menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penyeliaan pengajaran bidang penyediaan dan penyajian makanan.
 - a. Menguji kebolehpercayaan dan indeks pengasingan item/responden
 - b. Menentu dan mengesan polariti item
 - c. Mengesan kesesuaian item
 - d. Menentukan dan Mengesan Item-Item Mengukur Konstruk Tunggal atau Unidimensi (*Standard Residual Variance*)
 - e. Menentu dan mengesahkan aras kesukaran dan item dan kebolehan responden.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan, beberapa persoalan telah dibentuk untuk dijadikan sebagai garis panduan kajian ini. Oleh yang demikian, kajian ini akan dijalankan berlandaskan persoalan-persoalan yang timbul dan yang telah ditetapkan. Antara persoalan dalam kajian ini adalah:

1. Membangunkan instrumen penyeliaan pengajaran guru bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan.
 - i. Apakah konstruk penyeliaan pengajaran guru bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan.
 - ii. Apakah item instrumen yang sesuai bagi penyeliaan pengajaran guru bidang Penyajian Makanan?

2. Menentu kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penyeliaan pengajaran guru bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan.
 - a. Menguji kebolehpercayaan dan indeks pengasingan item/responden.
 - i. Apakah indeks kebolehpercayaan item/responden?
 - ii. Apakah indeks pengasingan item dan responden?

 - b. Menentu dan mengesan polariti item
 - i. Sejauh mana item bergerak kearah satu arah dalam menaksir konstruk?
 - ii. Sejauh mana item menyumbang kearah konstruk yang diukur?

 - c. Mengesan kesesuaian item instrumen penyeliaan pengajaran guru bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan
 - i. Sejauh manakah item *fit* dengan model pengukuran Rasch?
 - ii. Sejauh manakah ketidaksepadanan (*misfit*) Item Instrumen?

- d. Menentukan dan Mengesan Item-Item Mengukur Konstruk Tunggal atau Unidimensi (*Standard Residual Variance*)
 - i. Adakah item bersifat unidimensi atau mengukur konstruk tunggal secara bermakna?
- e. Menentu dan mengesahkan aras kesukaran item dan kebolehan responden
 - i. Apakah tahap kesukaran item?
 - ii. Apakah tahap kesukaran responden?
 - iii. Apakah tahap kesukaran item menepati kebolehan responden?
 - iv. Apakah kebolehppercayaan dan indeks pengasingan item/responden?

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini adalah merupakan satu kajian yang akan membina instrumen yang diharapkan dapat membantu penyeliaan pengajaran bagi penyeliaan PdP guru bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan. Ia melibatkan tujuh orang pakar yang dikenalpasti oleh penyelidik dalam PTV umumnya dan yang mempunyai pengkhususan dalam bidang Penyediaan Makanan. Pakar-pakar dalam bidang penyeliaan pengajaran dilibatkan dalam kajian ini. Kajian ini adalah terhad kepada guru dan penyelia yang terlibat dalam bidang penyediaan dan penyajian makanan yang ditawarkan di sekolah menengah harian dan Kolej Vokasional sahaja.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan pembinaan instrumen khusus untuk penyeliaan guru bidang penyediaan dan penyajian makanan. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang menggabungkan kerangka teori dan kajian-kajian lepas dengan menggabungkan kerangka teori dan kajian-kajian lepas secara sistematik sebagai dasar kajian dan proses pembangunan instrumen. Konstruk dan instrumen penyeliaan pengajaran dikumpul melalui analisis kajian-kajian lepas dengan merujuk kepada instrumen penyeliaan pengajaran berkaitan bidang penyediaan makanan dan pengajaran yang berkaitan dan mata pelajaran yang terlibat.

pembinaan instrument iaitu (i) mentakrif konstruk, menentukan tujuan dan sasaran instrumen ; (ii) mereka bentuk instrumen; (iii) membina item instrumen; (iv) menyediakan arahan pentadbiran dan penskoran instrumen; (v) mengendalikan kajian rintis; (vi) melakukan analisis item; (vii) menyemak instrumen; (viii) menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen; (ix) menentukan norma dan (x) menyediakan manual. Kesemua Langkah pembinaan instrumen ini boleh dirangkumkan kepada tiga peringkat utama iaitu proses mereka bentuk instrumen, pembinaan instrumen dan pengesahan instrumen untuk menghasilkan instrument yang sah dan boleh digunakan. Dalam konteks kajian ini kerangka koseptual terdiri daripada tiga fasa iaitu fasa I- penakrifan konstruk, fasa II- pembangunan konstruk dan fasa III- kesahan dan kebolehpercayaan item instrument. Pada fasa pertama iaitu penakrifan konstruk, penyelidik mengenalpasti konstruk dengan




merujuk model penyeliaan pengajaran seperti model kerangka pengajaran Danielson (2010), model Tingkap Johari oleh Luft dan Ingham (1961), model Supervisory Options for Instructional Leaders (SOIL) oleh Fritz dan Miller (2003) sebagai panduan untuk pembinaan konstruk dan sub-konstruk bagi item protokol temu bual.

Seterusnya pada fasa II, penyelidik menemu bual pakar Delphi dengan teknik temubual separa berstruktur sebanyak tiga pusingan untuk mendapatkan maklumat mengenai konstruk dan sub-konstruk yang penting sebagai elemen dalam instrumen penyeliaan guru penyediaan dan penyajian makanan. Hasil analisis data temu bual tersebut, penyelidik memilih konstru, sub-konstruk dan membina item soal selidik bagi mendapatkan persetujuan pakar Delphi. Penyelidik menganalisis JAK untuk membina item daripada konstruk dan sub-konstruk mengikut persetujuan pakar Delphi.

Pada peringkat terakhir iaitu fasa III-kesahan dan kebolehpercayaan item instrumen. Pada peringkat ini instrumen diuji untuk mendapatkan nilai kesahan dan kebolehpercayaan item. Penyelidik mendapatkan khidmat lima orang pakar dalam bidang pendidikan dan penyediaan dan penyajian makanan untuk kesahan kandungan instrument. Seterusnya kajian rintis dan kajian sebenar juga dilakukan untuk menguji kebolehpercayaan dan kesahan instrument menggunakan model pengukuran Rasch.





Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

1.9 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan kajian ini dapat digunakan oleh pentadbir sekolah sebagai panduan dan rujukan penyeliaan pengajaran yang sebenar bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan khususnya dalam kelas amali. Selain itu, hasil pembinaan instrumen ini juga dapat membantu pentadbir di sekolah yang tidak mempunyai latar belakang dalam bidang penyediaan dan penyajian makanan untuk menjalankan penyeliaan dengan lebih teratur dan berkesan dengan memberikan maklumbalas yang lebih objektif kepada guru dan memudahkan guru membuat penambahbaikan terhadap pengajarannya. Jika dilihat dari sudut profesionalisme guru, melalui instrumen ini juga boleh digunakan bagi peningkatan



tahap profesionalisme guru dengan lebih memahami proses penyeliaan pengajaran bagi bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan. Seterusnya, boleh dijadikan rujukan bagi guru novis untuk meningkatkan kualiti pengajaran bidang ini.

1.10 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Ianya memerlukan penjelasan yang lebih lanjut bagi memberikan kefahaman yang sama kepada para pembaca. Berikut adalah penjelasan bagi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini.



1.10.1 Penyeliaan pengajaran



Dalam konteks bidang pendidikan, penyeliaan adalah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran, iaitu penyeliaan pengajaran (Al. Ramaiah, 1995). Bagi menjayakan keberkesanan pelaksanaan pengurusan kurikulum, penyeliaan pengajaran adalah satu tugas utama yang perlu dilakukan di sekolah. Behlol, Yousuf, Parveen, dan Kayani (2011) menyatakan fungsi asas penyeliaan adalah untuk membantu guru meningkatkan proses pengajaran dalam kelas. Ia bukan hanya melawat bilik darjah, menulis beberapa baris dalam buku log mengenai kecekapan guru dan memeriksa sama ada kerja itu telah dilakukan mengikut pelan yang ditetapkan atau tidak.



Penyelidik bersetuju dengan pendapat Mohd Anizam dan Dayana Farzeeha (2014) penyeliaan dalam bidang teknikal dan vokasional seharusnya memberi keutamaan terhadap perkembangan kemahiran murid berbanding pendidikan formal yang bersikap akademik. Penyelia bidang berkaitan khususnya penyediaan dan penyajian makanan harus memastikan pengajaran guru mampu menyediakan murid yang cemerlang dalam memenuhi tahap kemahiran '*employability*', kemahiran generik, kreativiti dan inovasi murid berkembang selaras dengan keperluan dan kehendak industri.

Dalam konteks kajian ini, penyeliaan pengajaran adalah merujuk kepada penyeliaan pengajaran guru bidang penyediaan dan penyajian makanan yang dijalankan oleh pentadbir di sekolah menengah harian dan kolej vokasional. Penyeliaan secara umumnya bermaksud mengawasi sesuatu aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak atau individu yang lain dan adalah satu aspek pengurusan yang sangat penting dalam sesebuah organisasi.

1.10.2 Penyeliaan Klinikal

Penyeliaan klinikal adalah satu intervensi yang dijalankan dengan matlamat untuk memastikan pengajaran guru berkualiti, berkesan dan memberi impak kepada murid. Olivia dan Pawlas (2004) mentakrifkan, penyeliaan klinikal sebagai rasional dan amalan yang dirancang untuk meningkatkan prestasi kelas guru. Ia mengambil data utama dari peristiwa kelas.

Analisis data dan hubungan antara guru dan penyelia membentuk asas program, prosedur, dan strategi yang dirancang untuk meningkatkan pembelajaran murid dengan memperbaiki tingkah laku kelas guru. Fokus penyeliaan klinikal lebih terhad di dalam kelas dan waktu pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Asas penyeliaan adalah hubungan bersemuka (*face-to-face*) antara penyelia dengan guru dalam menganalisis gelagat dan aktiviti guru demi penambahbaikan pengajaran di dalam kelas (Abdul Rahman, 2011).

Namun demikian, walaupun model penyeliaan klinikal berbeza dari aspek peringkat, fasa ataupun tahapnya umumnya ia mengandungi tiga tahap asas iaitu wujud komunikasi antara penyelia dengan guru yang diselia, pemerhatian di dalam kelas dan tindakan susulan daripada pemerhatian di dalam kelas. Model penyeliaan klinikal yang akan dirujuk dalam kajian ini adalah model penyeliaan tiga peringkat iaitu konferensi/ perbincangan/ perancangan, pemerhatian di dalam kelas dan konferensi/ perbincangan maklum balas.

1.10.3 Teknik Delphi Terubahsuai

Satu bentuk kajian kualitatif yang menggunakan teknik pusingan penilaian daripada sejumlah pakar pengesahan. Teknik Delphi digunakan untuk membina item kajian berdasarkan kesepakatan pandangan dalam kalangan panel Delphi (Ghazali & Sufean, 2016). Mengikut Cluster, Scarcella, dan Stewart (1999), Teknik Delphi Terubahsuai hampir sama dengan Delphi biasa dari segi prosedur dan tujuan. Perbezaannya adalah dari segi proses permulaan di mana Teknik Delphi Terubahsuai dimulai dengan temu bual

bersama pakar-pakar yang dipilih untuk memandu pakar supaya lebih berfokus terhadap kajian yang dilaksanakan.

1.10.4 Guru

Menurut Mok Soon Sang (2009) Guru merupakan tenaga ikhtisas di dalam bidang perguruan yang dipertanggungjawab untuk mendidik pelajar di sekolah. Guru juga sebagai anggota masyarakat harus pandai bergaul dengan masyarakat. Sehubungan itu, guru perlu menguasai psikologi sosial dan memiliki pengetahuan, kemahiran dan ketrampilan untuk bekerjasama dalam kelompok bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Dalam konteks kajian ini guru merujuk kepada individu yang menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang penyediaan dan penyajian makanan di Sekolah Menengah Harian dan Kolej Vokasional di Malaysia.

1.10.5 Instrumen Penyeliaan

Instrumen penyeliaan adalah alat yang digunakan oleh penyelia untuk menyelia atau mencerap proses PdP yang dilaksanakan oleh guru. Menurut kajian Salina et al. (2015) instrumen adalah satu alat yang menggariskan prosedur yang sistematik dalam membangun dan mengesahkan kecekapan seseorang dalam melakukan tugas. Dalam konteks kajian ini, instrumen penyeliaan guru bidang penyediaan dan penyajian makanan adalah merujuk kepada elemen yang selia oleh pentadbir sekolah berkait dengan proses PdP guru khususnya dalam kelas amali masakan melibatkan aspek perancangan dan persediaan,



persekitaran kelas dan pengurusan bilik darjah, strategi pengajaran dan penilaian, tanggungjawab profesional, kaunseling murid dan kemahiran keusahawanan.

1.11 Rumusan



Secara kesimpulannya, bab ini menerangkan tentang gambaran keseluruhan latar belakang kajian. Kajian ini telah mendapatkan kesepakatan pakar dalam pembinaan instrumen penyeliaan pengajaran guru bidang Penyediaan dan Penyajian Makanan. Ia melibatkan pakar-pakar yang mempunyai latarbelakang dalam mata pelajaran vokasional iaitu dalam kalangan pegawai Kementerian Pendidikan sebagai pembina polisi, pakar penyeliaan, penggubal kurikulum, pakar daripada pusat pengajian tinggi dan guru pakar. Bab ini juga menerangkan mengenai objektif kajian dan persoalan-persoalan kajian yang ditetapkan oleh penyelidik. Selain itu bab ini ada menyatakan tentang batasan kajian, kerangka konsep kajian, kepentingan kajian serta definisi operasional kajian.